

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**  
**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN NO. 22**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah tangkapan kenderaan klon terutamanya di Negeri Perlis.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kenderaan klon adalah dikategorikan sebagai kenderaan motor yang pemilikannya adalah secara tidak sah dari sisi undang-undang. Modus operandi kereta klon termasuklah kereta yang diseludup dari negara jiran dan menggunakan nombor pendaftaran palsu yang dikendalikan oleh sindiket tertentu.

2. Di bawah peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa, JPJ diberi kuasa di bawah subseksyen 64(4) Akta Pengangkutan Jalan 1987 boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah lucut hak terhadap kereta klon.

3. Bermula tahun 2014 Sehingga Ogos 2020, sebanyak 3,490 tangkapan berhubung dengan kenderaan klon telah dilaksanakan di seluruh negara.

4. Daripada jumlah ini, sebanyak 52 tangkapan telah dilakukan di Negeri Perlis.

Sekian, terima kasih.